



PEMAKLUMAN TERKINI:

Selaras dengan pengisytiharan **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** bermula **22 Mei – 04 Jun 2021** dan **'Total Lockdown' Fasa Pertama** bermula **1 Jun – 14 Jun 2021** kepada semua rakyat Malaysia. Pejabat Tanah Besut turut menyarankan kepada **orang ramai** yang ingin melaksanakan sebarang **pembayaran yang melibatkan cukai tanah dan bayaran pelbagai urusan** supaya membuat pembayaran tersebut dengan **menggunakan medium pembayaran secara atas talian** kerana kaunter pembayaran ditutup didalam tempoh **PKPD dan 'Total Lockdown' Fasa Pertama** ini bagi tujuan mengurangkan *contact* di antara kakitangan bertugas dan juga orang ramai untuk membendung penularan virus *COVID-19*. Sehubungan dengan itu, **Pemohon** adalah diharap untuk dapat mengikuti saranan ini. Berikut adalah tatacara pembayaran secara atas talian yang boleh digunakan bagi pemohon membuat pembayaran:

1. Bayaran **untuk cukai tanah sahaja** melalui:

- a. <https://www.maybank2u.com.my/>
- b. JomPay ; **BILLER CODE : 74021**
- c. TPay (<https://tpay.terengganu.gov.my>)

2. Bayaran melalui **Electronic Fund Transfer (EFT)** bagi bayaran **pelbagai**:

2.1 **Maklumat Akaun:**

**Nama Bank : BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
(CAWANGAN KUALA TERENGGANU)**

No. Akaun : 1301 7010 0345 66

Nama Akaun : TETUAN AKAUNTAN NEGERI TERENGGANU

3. Setelah bayaran dibuat, pemohon perlu menghantar **E-mel dengan segera** maklumat **Resit Bayaran dan Rujukan Pembayaran** kepada jabatan ini seperti berikut:

- 3.1 Rujukan pembayaran bagi Pembaharuan ML/PML:
 - 3.1.1 Nama Syarikat
 - 3.1.2 Nombor ML /PML
 - 3.1.3 Mukim / Daerah
 - 3.1.4 Jenis Pembayaran iaitu Pembaharuan ML /PML

- 3.2 Rujukan pembayaran bagi Kelulusan ML/ PML:
 - 3.2.1 Nama Syarikat
 - 3.2.2 No. Rujukan PTG (Rujuk surat kelulusan)
 - 3.2.3 Mukim / Daerah
 - 3.2.4 Jenis Pembayaran iaitu Kelulusan ML /PML

- 3.3 Rujukan pembayaran Premium Pelupusan Tanah (Borang 5A):
 - 3.3.1 Nombor Fail
 - 3.3.2 Nombor Kad Pengenalan Pemohon
 - 3.3.3 Nombor PT.Lot
 - 3.3.4 Mukim / Daerah

- 3.4 Rujukan pembayaran Premium Tanah Tambahan (Borang 7G) dan Kelulusan Pembangunan Tanah:
 - 3.4.1 Nombor Fail
 - 3.4.2 Nombor Kad Pengenalan Pemohon
 - 3.4.3 Nombor Lot
 - 3.4.4 Mukim / Daerah

4. Memandangkan Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan **'Total Lockdown' Fasa Pertama sehingga 14 Jun 2021**, maka pembayaran-pembayaran berikut bolehlah dibuat secara atas talian kepada **Tetuan Akauntan Negeri Terengganu**. Walaubagaimanapun, tempoh sah bayaran masih tertakluk kepada Peraturan-peraturan Tanah Terengganu 1966 atau Peraturan Mineral Terengganu 2005 (mana-mana yang berkenaan).
 - 4.1 Berdasarkan peraturan 7 Peraturan-peraturan Tanah Terengganu 1966, tuan/ puan dikehendaki menjelaskan bayaran premium tanah (Notis Borang 5A) dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh penerimaan Notis Borang 5A tersebut atau dalam tempoh lanjutan selama 3 bulan lagi dengan persetujuan Pentadbir Tanah.
 - 4.2 Premium tanah tambahan (Notis Borang 7G) dalam tempoh 6 bulan selepas penerimaan notis juga hendaklah dijelaskan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

- 4.3 Bagi kelulusan pembangunan tanah (pecah sempadan, pecah bahagian dan lain-lain) iaitu bayaran pendaftaran hakmilik sementara dan muktamad serta notis boleh dijelaskan sebagaimana kaedah diatas.
- 4.4 Berdasarkan Seksyen 63 (13) Enakmen Mineral (Terengganu) 2002, kegagalan membayar fi yang ditetapkan (bayaran kelulusan) dalam tempoh 60 hari selepas diberitahu tentang kelulusan tersebut, maka kelulusan itu hendaklah disifatkan terbatal.
5. Bagi permohonan pembaharuan ML atau PML yang masih belum tamat tempoh, bayaran boleh dibuat secara EFT dalam tempoh PKP ini. Bayaran yang telah dibuat dalam tempoh tersebut tanpa disertakan dokumen permohonan pembaharuan dianggap telah diterima dan sedang diproses. Borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada jabatan ini selepas tamat tempoh PKP.
6. Sebagai makluman, jabatan ini akan mengemaskini rekod bayaran hanya setelah **Pengesahan Terimaan** dari Pejabat Akauntan Negeri Terengganu dihantar kepada kami serta tarikh terimaan bayaran adalah berdasarkan tarikh dalam **Pengesahan Terimaan** tersebut.
7. Bagi tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan** ini, Sistem Kewangan Pejabat Akauntan Negeri Terengganu beroperasi seperti biasa.
8. **Pemohon** perlu **E-mel dengan segera** selepas pembayaran secara **EFT** dibuat kepada alamat emel ptbesut@terengganu.gov.my ,ptgtrg@terengganu.gov.my dan disalinkan kepada alamat emel perbendaharaan@terengganu.gov.my untuk rujukan Pejabat Akauntan Negeri Terengganu.
9. Sebarang kesulitan atau pertanyaan berkaitan pembayaran di atas atau manamana pembayaran lain bagi urusan tanah, tuan/ puan boleh berhubung dengan pihak kami melalui emel ptgtrg@terengganu.gov.my

Sekian, terima kasih

Pejabat Tanah Besut